

Harapan kedua si terlanjur

MINGGUAN MSTAR

26 SEP 2010

MIS 3

MEREKA melangkah masuk ke Sekolah Harapan adalah dengan kerelaan hati, tetapi hakikatnya mereka tidak pernah rela untuk hamil sebelum bernikah apatah lagi dalam usia yang masih mentah.

Tidak seperti perahu telajak yang dapat diundur kembali, kumpulan lima pelajar pusat perlindungan itu yang pernah terlanjur bersyukur kerana pusat perlindungan ini menyambut baik kehadiran mereka walau hanya untuk tempoh tertentu sahaja.

"Setakat ini kesemua mereka nampak gembira tinggal di sini. Masing-masing tidak menunjukkan tanda-tanda mereka menghadapi masalah atau tekanan," kata Penyelia Rumah Harapan, Saimah Hiran kepada *Mingguan mStar*, beberapa hari selepas sekolah kontroversi itu beroperasi.

Walaupun baru dibuka, Saimah memberitahu, setiap pelajar tidak akan terlepas daripada mengikuti aktiviti yang disediakan pihak pengurusan.

Katanya, sehingga kini, lima pelajar yang masing-masing datangnya dari Melaka, Johor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Pahang itu juga tidak menghadapi masalah dalam pergaulan dan berkomunikasi.

"Sebelum kelas bermula, kita adakan minggu orientasi selama seminggu bagi membolehkan mereka berkenal-kenalan dan menyesuaikan diri dengan kehidupan baru mereka.

"Kita juga telah menghantar mereka berjumpa doktor untuk memastikan kandungan mereka sihat dan selamat," katanya.

Mingguan mStar turut berpeluang berbual secara eksklusif dengan salah seorang penghuni kumpulan pertama, berusia 17 tahun.

Kay (bukan nama sebenar) merupakan salah seorang daripada lima penghuni Sekolah Harapan yang mendapatkan perlindungan dengan kerelaan diri sendiri.

Kesal dengan keterlanjuran akibat terlalu mengikut nafsu, dia bagaimanapun reda dengan apa yang telah menimpa diri dan keluarganya.

"Saya tak akan mensia-siakan peluang ini. Apa yang mahu saya lakukan sekarang ialah menyambung semula pembelajaran dan mengambil peperiksaan di sini," katanya.

Bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak lama lagi, Kay,

MUKADIMAH

HUKUM alam menetapkan waktu yang berputar tidak mungkin dapat diulang kembali. Setiap kesilapan, kealpaan dan keterlanjuran manusia mustahil dapat dipadam; itulah hakikat yang harus kita akur dan terima.

Begitulah juga remaja yang terlanjur sehingga hamil. Mereka ini sudah tentu bingung dengan kandungan yang kian membesar dan pada masa yang sama keluarga perlu menanggung malu.

Tidak keterlaluan dikatakan terbinanya Sekolah Harapan memberi sinar baru buat gadis-gadis yang masih belajar tetapi sudah terlanjur dan hamil anak luar nikah.

Rumah Harapanlah menjadi destinasi persinggahan untuk golongan ini menjalani hidup seperti ibu hamil biasa, sekali gus membolehkan mereka melahirkan bayi tanpa sebarang tekanan atau gangguan.

Membezakan Sekolah Harapan yang terletak di Jasin, Melaka dengan pusat perlindungan lain ialah peluang belajar dan mengambil peperiksaan tidak pernah tertutup untuk setiap penghuninya walau sedang sarat mengandung.

Ikuti laporan wartawan *Mingguan mStar* di sekolah berkenaan di bumi Hang Tuah baru-baru ini mengenali lebih dekat sekolah yang menimbulkan kontroversi itu.

berazam untuk belajar bersungguh-sungguh selain mahu mengubah diri menjadi insan yang lebih baik dan mampu berbakti kepada keluarga, masyarakat dan negara.

"Dalam keadaan saya sekarang ini, saya akan belajar selagi termampu dan buat yang terbaik. Saya betul-betul mahu berubah dan tak akan buat perbuatan yang sama lagi selepas ini," jelasnya.

Mengimbas kembali bagaimana dirinya boleh 'tercampak' ke Rumah Harapan, Kay memberitahu dia dihamilkan tanpa kerelaan oleh jejaka yang tidak dikenali.

"Saya teraniaya. Kawan saya telah kenakan saya. Saya tak kenal dengan lelaki itu, tetapi setelah dipaksa saya pun terlanjur.

"Lepas dapat tahu saya mengandung, saya terus mencari jalan penyelesaian melalui Internet. Kebetulan juga pada masa itu abang



Penubuhan Sekolah Harapan mampu memberi sinar baru kepada mereka yang terlanjur.

saya tahu pusat perlindungan seperti ini akan dibuka.

"Bila dapat tahu ia bakal beroperasi dan menerima kemasukan, saya terus mendaftarkan diri dan syukur saya diterima masuk," katanya.

Sementara menunggu saat-saat bayi dalam kandungannya yang kini berusia enam bulan dilahirkan, Kay mengakui gembira dan tenang dapat bersama-sama melakukan aktiviti bersama rakan-rakan lain.

"Kawan-kawan baik-baik belaka. Begitu juga guru-guru yang menjaga kami. Mereka mendidik dan tidak menggunakan kekerasan. Apa yang dapat saya kata, di sini saya langsung tak rasa tertekan.

"Aktiviti yang disusun pun memberi manfaat. Kami baca al-Quran, mengikuti tazkirah dan diwajibkan solat jemaah. Kami juga boleh belajar memasak," katanya.

Kay berpendapat Sekolah Harapan sesuai untuk remaja yang pernah terlanjur atau melakukan kesilapan tetapi ingin kembali ke pangkal jalan.

Katanya, sebagai golongan yang masih muda dan perlu berdepan dengan pelbagai dugaan sehingga adakalanya menjadikan diri mereka terjebak ke kancang yang tidak



Penyelia Rumah Harapan (asrama) Saimah Hiran (dua kiri) memberi taklimat kepada seorang pelajar yang mendaftar masuk ke Sekolah Harapan di sini, hari ini.

sepatutnya.

"Apa yang penting, setiap orang yang buat pernah buat salah nekad untuk tidak mengulanginya lagi. Setelah apa yang berlaku, saya sedar bahawa saya banyak kelemahan dan saya sendiri ingin berubah," katanya.

Dia menasihati remaja di luar sana supaya berhati-hati apabila berkawan supaya bagi mengelakkan daripada mereka menerima nasib yang sama seperti dirinya.

SEKOLAH Harapan di Jalan Pegawai di Jasin, Melaka yang mula beroperasi Jumaat minggu lalu bukan untuk menutup malu remaja hamil luar nikah, sebaliknya melindungi mereka daripada terjebak dengan aktiviti pembuangan bayi.

Lebih buruk lagi, jika tiada usaha dilakukan terhadap insan terlanjur, kemungkinan perkara itu akan menjurus kepada pembunuhan bayi.

Pengerusi Sekolah Harapan, Datuk Ab Rahaman Ab Karim berkata, resolusi berdasarkan beberapa seminar sebelum ini memutuskan kes pembuangan anak harus ditangani segera.

"Selepas itu, Kerajaan Negeri Melaka merancang untuk mewujudkan sebuah sekolah bagi menempatkan remaja hamil luar nikah," katanya kepada *Mingguan mStar*.

Menurut Ab Rahaman, rancangan mengenai penubuhan sekolah itu bermula sejak tiga bulan lalu dan usaha dilakukan secara serius selama dua bulan.

Beliau berkata, sekolah berkenaan ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) membabitkan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM500,000 setahun.

"Peruntukan turut merangkumi penginapan pelajar, makan-minum dan rawatan hospital termasuk pembiayaan bersalin dan tempoh berpantang," katanya.

Bukan hanya untuk yang hamil luar nikah

Setakat ini, seramai lima pelajar sudah mendaftar masuk, empat daripadanya pelajar Tingkatan Lima dan seorang Tingkatan Empat.

Kesemua mereka berasal dari Nilai, Negeri Sembilan; Segamat, Johor; Kuala Lumpur, Melaka dan Rompin, Pahang.

Cabaran awal

Ab Rahaman berkata, cabaran awal Sekolah Harapan sebaik sahaja diumumkan penubuhannya oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam ialah kritikan demi kritikan daripada pelbagai pihak dalam masyarakat.

Kerajaan negeri dituduh seolah-olah menggalakkan kehamilan luar nikah di kalangan remaja sehingga cenderung kepada peningkatan kes terbabit.

Keadaan itu bakal mencetuskan epidemik hamil luar nikah di kalangan pelajar di negara ini berikutan ia dianggap penyelesaian kepada aktiviti seks bebas.

Soalnya, adakah tindakan kerajaan menambah kemudahan hospital supaya masyarakat mengabaikan kesihatan dan menaik taraf penjara bagi menggalakkan aktiviti jenayah?

"Kita sebenarnya hendak memaklumkan masyarakat bahawa tanggungjawab terlalu



Ab Rahaman

berat jika tidak mengawal pergaulan bebas sehingga berlakunya hamil luar nikah.

"Justeru, masyarakat sepatutnya mengambil iktibar terhadap penubuhan Sekolah Harapan ini menjadikannya sebagai pengajaran berguna untuk semua.

"Remaja pula perlu memikirkan setiap perkara secara jelas sebelum membuat keputusan tanpa sewenang-wenangnya terjebak dengan seks bebas," tegas beliau.

Timbul cakap-cakap mengatakan penubuhan Sekolah Harapan seolah-olah menunjukkan kes remaja hamil luar nikah merupakan sesuatu perkara amat serius.

Bagaimanapun Ab Rahaman menolak dakwaan itu dengan memperjelaskan kes berkenaan

akan berterusan sekiranya tiada sebarang usaha untuk menyelesaikannya.

Apakah tindakan kita untuk mengatasi masalah pembuangan bayi dan jawapannya adalah melindungi dan menjaga mereka yang hamil secara sistematik.

"Tindakan kita bertujuan menyelamatkan anak-anak muda daripada berterusan melakukan aktiviti pembuangan bayi sehingga menjurus kepada pembunuhan.

"Biarlah mereka melahirkan bayi itu secara teratur dan diberikan perlindungan meskipun hasilnya merupakan perbuatan luar nikah," katanya.

Teruskan persekolahan

Sekolah Harapan bukan saja memberikan perlindungan dan peluang pembelajaran tetapi turut menyasiat latar belakang individu yang menghamilkan remaja terbabit.

Menurut beliau, ibu bapa dan pelajar diminta untuk membuat pengakuan mengenainya dan tindakan dilakukan secara perundangan.

"Ada yang tahu dan ada juga kurang pasti siapa bapa kepada kandungan itu. Namun, siasatan yang dilakukan melibatkan polis," jelasnya.

Penghuni Sekolah Harapan tertakluk di bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Seksyen 54 Hamil Luar Nikah dan dikategorikan sebagai Juvana kerana bawah umur.

Ab Rahaman berkata, pihaknya bukan bertujuan menghukum tetapi mahu menyelesaikan masalah kerana mereka yang terbabit perlu bertanggungjawab di atas perbuatan itu.

Dalam pada itu, Sekolah Harapan turut membuka penyertaan kepada remaja hamil secara sah selain remaja hamil luar nikah.

Ini katanya, penyertaan itu disebabkan usia remaja terbabit masih di bawah umur dan perlu meneruskan pelajaran sehingga tamat peperiksaan.

Pada masa ini, asrama yang menempatkan pelajar yang dikenali sebagai Rumah Harapan dapat menampung seramai 15 penghuni pada satu-satu masa.

"Bagaimanapun, pihak pengurusan mengambil inisiatif untuk menyediakan asrama tambahan sekiranya jumlah pelajar mencecah 40 orang.

"Asrama kedua itu akan diwujudkan di lokasi yang sama bagi menampung baki jumlah pelajar dan ketika ini proses menaik taraf sedang dijalankan," katanya.